



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAKLIMAT DAN PAMERAN MENGENAI
AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT KOPERASI**

Hari Selasa, 29 November 2022

Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Unit Pembangunan Koperasi di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan telah mengadakan sesi taklimat dan pameran mengenai dengan amalan terbaik tadbir urus korporat koperasi bertempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi selama dua hari bermula pada 29 hingga 30 November 2022.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di acara tersebut ialah Yang Mulia Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Hj Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Acara dimulakan dengan ucapan kata alu-aluan daripada Yang Mulia Pengiran Addizulfadli bin Pengiran Darussalam, Pemangku Pengarah, Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan (ROCBN), Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Allen On, Pengarah di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Ketua-Ketua Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan daripada Agensi-Agensi Kerajaan dan Swasta berserta Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Koperasi.

Objektif utama taklimat diadakan antarlain adalah untuk memberikan pendedahan kepada Koperasi-Koperasi terhadap dasar-dasar dan garispandu yang sedia ada di bawah Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agensi yang berkenaan; dan untuk memperdengarkan *success story* atau pengongsian informasi mengenai amalan tadbir urus yang dipraktikkan daripada empat buah koperasi di Negara Brunei Darussalam. Tema bagi sesi taklimat ini ialah "***Persekitaran Perniagaan Kondusif, Meningkatkan Kemampanan Koperasi***".

Seramai 90 orang peserta terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi menghadiri taklimat berkenaan. Taklimat telah disampaikan oleh beberapa Pegawai daripada Agensi-Agensi Kerajaan dan Swasta, yang mana topik-topik taklimat merangkumi informasi-informasi yang penting mengenai perundangan, dasar-dasar, proses dan perkhidmatan yang dapat didalami bagi mempertingkatkan lagi tadbir urus korporat koperasi.

Taklimat diakhiri dengan sesi forum mengenai pengalaman kejayaan koperasi di negara ini dengan mendengarkan perkongsian daripada empat (4) panel jemputan yang terdiri daripada ahli Lembaga Koperasi iaitu daripada Koperasi KOTIBA, Koperasi Kesuma Mekar, Koperasi SAMAKAYA dan Koperasi ITM. Aktiviti sampingan seperti pameran (*booth*) juga diadakan disepanjang dua hari acara diadakan.

###

Disediakan oleh:

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam